

20/08/1998

Kerajaan tidak mahu bebankan rakyat

KENYATAAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu lalu bahawa kerajaan akan mengambil beberapa tindakan luar jangkaan untuk memulihkan ekonomi, terbukti mengocak mental rakyat. Boleh dikatakan persoalan ini menjadi topik perbualan rakyat pelbagai peringkat. Dalam proses untuk mengetahui maksud Perdana Menteri kerana menjangka ia memberi kesan kepada individu dan keluarga, pelbagai telahan dapat didengar. Walaupun telahan mereka tidak semestinya tepat dengan apa yang difikirkan oleh Dr Mahathir, ia melatih rakyat berfikir mengenai perkara baru yang boleh dilakukan kerajaan. Ujian mental seperti ini amat penting kerana ia mengajak rakyat turut sama mengambil berat masalah negara. Oleh itu, apabila Dr Mahathir mengumumkan butir lanjut tindakan luar jangkaan itu kelak, rakyat sudah bersedia menghadapinya. Apa yang pasti, sebarang tindakan baru kerajaan kelak, dibuat semata-mata untuk menjaga kepentingan rakyat dan negara.

Ramai yang membuat telahan kerajaan akan menaikkan cukai sedia ada atau memperkenalkan cukai baru dalam Belanjawan Negara 1999 yang akan dibentangkan Oktober ini, untuk mencari sumber wang bagi menampung beberapa program yang dirancang. Ternyata, telahan itu begitu meleset kerana sebagaimana dijelaskan Dr Mahathir kelmarin, kerajaan tidak bercadang berbuat demikian. Malah, kerajaan sedar tidak adil menaikkan cukai kepada rakyat ketika kedudukan ekonomi negara tidak memberangsangkan. Sama ada menaik atau memperkenalkan cukai baru, ia hanya akan membebankan rakyat. Analogi yang sama juga terpakai kepada sektor korporat. Selepas rakyat dan majikan mula terasa kesan kegawatan ekonomi, beban masalah mereka tidak seharusnya diberatkan lagi. Sektor korporat mungkin menerima kesan yang teruk jika cukai korporat dinaikkan sedangkan perniagaan dan pengeluaran mereka terjejas menyebabkan pendapatan merosot.

Sikap kerajaan seharusnya dipuji meskipun tindakan menaikkan cukai salah satu jalan mudah untuk kerajaan mencari wang. Namun, disebabkan peka dengan masalah rakyat, kerajaan menolak sebarang cadangan untuk menaikkan cukai terutamanya yang membabitkan cukai individu dan keluarga atau jenis cukai yang boleh memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada kenaikan harga makanan atau barangan perlu. Tanpa kenaikan cukai atau memperkenalkan cukai baru, bermakna dari segi perbelanjaan, rakyat masih boleh terus bertahan, sekalipun pertumbuhan ekonomi negara dan rantau ini masih belum dapat digerakkan sepenuhnya. Malah, rakyat, terutamanya kakitangan perkhidmatan awam dan swasta juga sudah bersedia tidak menerima kenaikan gaji atau sebarang imbuhan untuk tahun yang kedua sejak berlakunya serangan ekonomi terhadap negara.

Rakyat bukan saja bernasib baik kerana sudah mendapat jaminan kerajaan berhubung pengekalan cukai tetapi mereka juga sudah pasti tidak akan dibebani dengan perbelanjaan tambahan atau bil lain. Kerajaan negeri juga sudah memberi jaminan kenaikan cukai pintu ditangguhkan sehingga ekonomi negara pulih. Disebabkan cukai pintu membabitkan setiap rumah dan keluarga, kerajaan sepatutnya boleh mengumpul wang yang agak besar jika kenaikan itu dilaksanakan. Sekali lagi kerajaan menunjukkan sikap prihatinnya terhadap rakyat dengan tidak mahu menambahkan bebanan ke atas mereka. Begitu juga Tenaga Nasional Berhad (TNB) sudah menyatakan bayaran elektrik juga tidak akan dinaikkan. Jika sikap seperti ini dipanjangkan ke sektor lain, termasuk bekalan air dan telefon, rakyat boleh menjangkakan sebarang perbelanjaan tambahan ke atas gaji mereka, tidak akan berlaku.

Segala-galanya dilakukan kerana kerajaan tidak mahu menyusahkan rakyat. Sebagaimana dibayangkan Dr Mahathir, Malaysia mungkin menggunakan pengalaman Hong Kong dan Taiwan memulihkan ekonomi, sebagai tambahan kepada langkah jimat berbelanja, berdagang dalam mata wang sendiri dan mengurangkan import.

Langkah kerajaan tidak mahu membebankan rakyat antara ciri-ciri sebuah kerajaan yang adil. Tentunya, apa yang dilakukan kerajaan ini bertentangan dengan perakuan yang dikenakan oleh Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) terhadap negara yang menghendaki bantuannya. IMF dalam menetapkan peraturan demikian rupa sedikitpun tidak menghiraukan kesan ke atas rakyat atau kestabilan negara sebagaimana sudah berlaku di Indonesia, Thailand dan Korea Selatan. Sedihnya walaupun negara itu sudah tunduk kepada kemahuan IMF, ekonomi mereka semakin gawat. Nampaknya IMF seolah-olah mahu rakyat menjadi berang dan mencetuskan perkara yang boleh menjejaskan ketenteraman awam.

(END)